



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PANDUAN PENGURUSAN

Menangani
BULI
Di Sekolah



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

ISBN 983-3597-01-7



9 789833 597017

PANDUAN PENGURUSAN

Menangani
BULI
Di Sekolah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PUTRAJAYA



HAK CIPTA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Cetakan Pertama 2005
Cetakan Kedua 2014
ISBN 983-3597-01-7

Hak cipta terpelihara.
Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam ape jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia.
Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan oleh :



Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E 2,
Kompleks Kerajaan Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 Putrajaya.

Dicetak oleh
JAYBEES PRINT INDUSTRIES SDN. BHD.
No. 2, Jalan Saylor, Off Jalan Pudu,
55100 Kuala Lumpur.

PRAKATA

Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah dihasilkan sebagai satu garis panduan kepada pihak yang terlibat dalam mengendalikan isu buli. Penerbitan buku ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah terutamanya guru-guru dalam mengendalikan gejala buli dalam kalangan murid dengan lebih berkesan.

Buku ini mengandungi empat bab yang membincangkan topik-topik yang berkaitan dengan buli. Bab pertama buku ini memaparkan pengenalan secara terperinci berkaitan buli termasuklah takrifan buli, implikasi, jenis dan faktor-faktor buli. Bab ini ditulis dengan terperinci agar gejala huli yang berlaku dalam kalangan murid difahami dengan jelas.

Seterusnya, bab kedua buku ini menghuraikan dengan terperinci pengurusan sekolah berkaitan buli termasuklah menggariskan peranan pengurusan sekolah. Dalam bab ini juga dijelaskan pemantepan pengurusan disiplin terutamanya pemilihan program mengatasi buli. Permuafakatan pencegahan buli yang melibatkan peranan agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan juga ditulis dalam bab ini.

Bab ketiga pula memaparkan dengan jelas berkaitan aktiviti-aktiviti menangani buli. Cadangan aktiviti-aktiviti ini termasuklah aktiviti di sekolah rendah dan menengah. Pelbagai aktiviti digariskan mengikut orientasi program yang dipilih untuk menangani buli. Peringkat-peringkat perancangan dan penilaian menangani buli juga termasuk dalam bab ini.

Bab keempat merupakan carta aliran dan instrumen penilaian aktiviti menangani buli di sekolah. Semoga penerbitan buku ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak untuk menangani buli.

Panel Penulis
Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah



Kata Alu-Aluan

MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Waharekatuh dan Salam Sejahtera.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mengambil inisiatif menyediakan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah bagi kegunaan semua sekolah seluruh negara. Usaha gigih semua pihak yang terlibat terutama ke arah meminima salah laku buli merupakan usaha terpuji yang akan menyumbang kepada persekitaran yang baik kepada iklim sekolah.

Saya berharap agar Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah akan menjadi rujukan dan panduan yang jelas kepada semua pihak pada setiap peringkat sama ada peringkat sekolah, peringkat institusi pengajian tinggi, agensi-agensi kerajaan mahupun badan-badan pertubuhan bukan kerajaan. Pastinya buku ini mampu memberikan pemahaman yang jelas mengenai takrifan buli yang sebenarnya serta langkah untuk mengatasi gejala tersebut. Selain itu, buku panduan ini juga sewajarnya berupaya membantu pihak sekolah dalam menterjemahkan hasrat murni Falsafah Pendidikan Negara dalam pembentukan diri murid yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Sesungguhnya, persekitaran sekolah yang selamat dan tenteram akan menyumbang kepada usaha melahirkan murid yang cerdas, cergas serta cinta akan kesejahteraan.

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
Menteri Pendidikan Malaysia



Kata Alu-Aluan

KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia atas kejayaan menerbitkan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia berpandangan bahawa usaha membanteras gejala huli di sekolah adalah suatu usaha berterusan, serius dan hendaklah ditangani secara bersepedu. Buku panduan ini akan membantu pihak sekolah merancang dan melaksanakan program dan aktiviti yang akan dapat membimbing semua warga sekolah menangani kes buli di sekolah dengan teratur, bersepadu dan berhemah.

Kajian menunjukkan bahawa rakan sebaya dan keluarga merupakan antara faktor yang mempengaruhi pembentukan sifat buli. Oleh yang demikian isu menangani buli merupakan usaha bersepadu yang melibatkan pelbagai pihak dan adalah tidak tepat jika jalan penyelesaian kepada isu ini hanya terletak pada pihak Kementerian Pendidikan semata-mata. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan telah mewujudkan Jawatenkuasa Induk Menangani Gejala Disiplin dalam Kalangan Murid Sekolah yang menggunakan pendekatan bersepadu bagi membendung gejala disiplin termasuk buli.

Saya berharap buku panduan ini akan menggalakkan sekolah melaksanakan usaha yang lebih sistematik dan terancang bagi menangani isu buli di sekolah. Kebijaksanaan pihak sekolah adalah perlu bagi mempelbagaikan usaha menjayakan hasrat murni ini.

DATO' SRI DR KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia



Kata Alu-Aluan

PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada panel penulis Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah yang telah berjaya menyediakan buku panduan di peringkat sekolah. Diharapkan buku ini digunakan dalam usaha menjadikan kawasan sekolah sebagai zon bebas buli. Hal ini juga selaras dengan hasrat semua pihak yang ingin melihat isu buli dapat ditangani dengan cara yang berkesan.

Gejala buli merupakan isu yang mendapat perhatian masyarakat. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi fokus terhadap gejala ini. Oleh itu buku panduan ini telah dirancang dan diusahakan bagi mengatasinya. Buku panduan ini mengandungi takrifan buli, strategi serta pelan tindakan menangani buli. Buku ini diharapkan dapat menjadi sumber rujukan kepada sekolah bagi merancang dan melaksanakan program dan aktiviti antibuli di peringkat masing-masing.

Adalah diharapkan dengan adanya buku panduan ini, usaha yang lebih sistematik dan terancang dalam menangani buli dapat dilaksanakan di sekolah. Oleh itu saya berharap buku panduan ini hendaklah diterjemahkan sebaik mungkin berdasarkan iklim dan budaya di sekolah masing-masing.

ABDULLAH BIN MAD YUNUS

Pengarah

Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia



KANDUNGAN

	MUKA SURAT
1. Prakata	iii
2. Kata Alu-aluan:	iv
Menteri Pendidikan Malaysia	v
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia	vi
Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	
3. Kandungan	vii
4. Bab 1 BULI : PENGENALAN	1
Pengenalan	2
Matlamat	2
Objektif	2
Takrif Buli	3
Implikasi Buli	3
Jenis-jenis Buli	4
Faktor-faktor Buli	5
5. Bab 2 BULI : PENGURUSAN DISIPLIN DI SEKOLAH	7
A Carta Pengurusan Disiplin di Sekolah	8
B Peranan Pengurusan Sekolah	9
C Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah	14
D Permuafakatan Pencegahan	15
6. Bab 3 BULI : AKTIVITI MENANGANI	17
A Panduan Menjalankan Aktiviti Menangani Buli	18
i. Orientasi Pemulihan	18
ii. Orientasi Pencegahan	19
iii. Orientasi Perkembangan	19
B Contoh Program/Aktiviti Menangani Buli di Sekolah Rendah	20
C Contoh Program/Aktiviti Menangani Buli di Sekolah Menengah	21
D Peringkat-peringkat Perancangan dan Penilaian Menangani Buli	22
E Contoh Pelan Tindakan Pencegahan Buli di Sekolah	23
7. Bab 4 BULI : CARTA ALIRAN KES DAN INSTRUMEN PENILAIAN AKTIVITI ANTIBULI	27
A Carta Aliran Mengenal Pasti Kes Buli	28
B Carta Aliran Mengendali Kes Buli	29
C Instrumen Penilaian Keberkesanan Aktiviti Antibuli di Sekolah	30
D Senarai Semak Pengurusan Menangani Buli	33
8. JAWATANKUASA PENULIS	35
9. LAMPIRAN	39



BAB 1

BULI : PENGENALAN



PANDUAN PENGURUSAN MENANGANI BULI DI SEKOLAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

PENGENALAN

Kebelakangan ini beberapa kes buli yang melibatkan murid sekolah telah dilaporkan. Gejala ini semakin serius sehingga membawa kepada kecederaan teruk yang boleh membawa kematian. Sekolah sebagai agen sosialisasi utama, bertanggungjawab membanteras gejala ini hingga ke peringkat akar umbi. Iklim dan persekitaran sekolah yang kondusif perlu diwujudkan bagi merangsang perkembangan murid dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan menyediakan panduan pengurusan bagi pihak sekolah untuk menangani gejala buli. Segala saranan dan cadangan yang dikemukakan di dalam buku penduan ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah untuk sama-sama berganding tenaga ke arah perubahan dan pembentukan sahsiah murid kepada lebih positif.

MATLAMAT

Buku panduan ini disediakan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada warga sekolah tentang perlakuan buli dan kesannya. Seterusnya memahami serta menghayati peranan dan fungsi masing-masing dalam polakeanaan strategi dan pelan tindakan di peringkat sekolah untuk mengatasi gejala buli.

OBJEKTIF

1. Memberi kefahaman dan kesedaran kepada warga sekolah tentang gejala buli.
2. Mengklasifikasikan jenis salah laku yang boleh ditafsirkan sebagai perbuatan buli.
3. Memberi kesedaran kepada setiap warga sekolah dalam menangani gejala buli.
4. Menjadi panduan borhubung strategi polaksanaan program perkembangan, pencegahan dan pemulihan salah laku buli.
5. Menjadi penduan kepada pihak sekolah untuk membina dan menguat kuasa peraturan sekolah berkaitan buli.

TAKRIF BULI

Buli membawa makna perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang murid atau kumpulan murid supaya dapat menyesuaikan diri dengan suasana yang baru; atau perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang murid atau kumpulan murid yang biasanya lemah untuk menggertak atau menakutkan murid atau kumpulan murid berkenaan.

IMPLIKASI BULI

1. Buli merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah. Buli membawa kesan negatif terhadap pembuli, mangsa buli dan warga sekolah.
2. Mangsa buli berkemungkinan menjadi pendiam, pemalu dan rendah diri, takut, suka bersendirian dan kurang sokongan sosial di sekolah. Mereka lebih suka merahsiakan perkara ini daripada pengetahuan ibu bapa, guru dan rakan-rakan kerana malu dan khawatir akan menerima tindak balas yang lebih agresif daripada pembuli. Masalah ini boleh mengakibatkan ponteng dan selerusnya penurunan prestasi akademik.
3. Selain menjadi seorang yang rendah penghargaan kendiri, mangsa juga mungkin mengambil tindak balas yang serupa atau lebih terhadap murid atau orang lain pada masa hadapan disebabkan dendam.
4. Pembuli pula berkemungkinan terlibat dengan salah laku yang lebih serius pada masa hadapan termasuklah jenayah seperti mencederakan mangsa yang akhirnya boleh menyebabkan kematian.

JENIS-JENIS BULI

1. Buli: Fizikal

- Pukul
- Tumbuk
- Tendang
- Tolak/tarik
- Tampar
- Cubit
- Pulas telinga
- Tindih
- Menghimpit
- Peteh/bentes/tendang peda kaki



- Sekeh/luku/ketuk
- Cekik
- Raba
- Dan lain-lain perbuatan yang seumpamanya

2. Buli: Lisan

- Ejekan
- Panggilan/gelaran yang mengaibkan
- Fitnah
- Mencarut/memaki/menghina/mengherdik/mempersenda
- Dan lain-lain pernyataan lisan yang seumpamanya

3. Buli: Isyarat (bukan lisan)

- Jelir lidah
- Bahasa badan
- Jegil mata
- Isyarat lucuh
- Dan lain-lain perbuatan bukan lisan yang seumpamanya

4. Buli: Peras ugut

- Minta duit secara paksa
- Memaksa mangsa membuat kerja/kerja rumah
- Minta barang secara paksa
- Memaksa menjelaskan bayaran (makanan, minuman, alat tulis dan lain-lain)
- Sembunyikan barang mangsa
- Mengugut supaya merahsiakan perbuatan salah laku dan seumpamanya
- Memaksa melakukan salah laku
- Menjadi orang suruhan
- Dan lain-lain perbuatan yang seumpamanya

5. Buli: Memulau

- Mangsa buli tidak dimusukkan ke dalam kumpulan
- Mangsa buli tidak diberikan kemudahan yang sepatutnya
- Mangsa buli tidak diberikan kerjasama
- Pembuli tidak suka murid yang ikut peraturan (skima)

FAKTOR-FAKTOR BULI

Antara faktor yang dikenal pasti menyebabkan salah laku buli:

1. Keluarga

- Kurang didikan dan panghayatan agama/moral
- Kurang perhatian dan kasih sayang
- Gaya didikan
- Peniruan gaya hidup dalam keluarga
- Kurang pengawasan

2. Sekolah

- Persekutaran dan iklim sekolah
- Kurang pengawasan daripada guru
- Kawalan murid yang lemah
- Kurang intervensi yang sesuai terhadap kes buli
- Pengurusan disiplin yang kurang cekap
- Guru tidak bertindak sebagai model yang boleh dicontehi

3. Individu

- Saiz badan
- Panas baran
- Teriampau aktif
- Egoistik
- Dendam kerana pernah dibuli
- Keceluaran gender
- Konsep kendiri yang rendah
- Kecacatan
- Gilia 'glamor'



4. Pengaruh Media


- Rancangan bercorak keganasan
- Bahan negatif melalui internet
- Media cetek yang negatif seperti komik, majalah, akhbar tabloid, bahan bacaan luah dan lain-lain
- Maklumat internet yang negatif seperti laman web, video, taks yang barkaitan
- Permainan video yang menjurus kepada keganasan

5. Persekutaran

- Mahu pengiktirafan rakan sebaya
- Berada dalam komuniti tidak prihatin
- Institusi masyarakat yang lemah
- Ikaten kejiraninan yang longgar

BAB 2

**BULI :
PENGURUSAN DISIPLIN DI SEKOLAH**



B. BULI : PERANAN PENGURUSAN SEKOLAH

I. Peranan Pengetua/Guru Besar

1. Berkuasa sepenuhnya terhadap pengurusan disiplin sekolah.
2. Pengerusi jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
3. Memastikan setiap ahli jawatankuasa berfungsi dan melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan.
4. Mewujudkan kesedaran dalam kalangan semua pihak tentang isu buli di sekolah.
5. Merancang, melaksana dan membuat penilaian pelaksanaan dan prosedur tindakan antibuli di sekolah dari semasa ke semasa.
6. Memastikan wujudnya suasana kerja berpasukan dalam menangani gelaja buli di sekolah.
7. Mewujudkan perhubungan dan permuafakatan dengan agensi luar.
8. Memastikan laporan perkembangan isu disiplin sekolah disampaikan kepada pihak PPD dan JPN.

II. Peranan Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

1. Bertanggungjawab kepada segala arahan daripada Pengetua/Guru Besar.
2. Setiausaha jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
3. Merancang, menyelaras dan memantau program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
4. Menguruskan mesyuarat berkaitan pengurusan disiplin sekolah.
5. Memfailkan salinan laporan dari ahli jawatankuasa berkaitan.
6. Melaporkan kes kepada pengetua/guru besar.
7. Menyediakan laporan untuk PPD.
8. Memberi kefahaman tentang kesan dan implikasi buli kepada guru serta murid.
9. Menerima aduan kes buli dan menjalankan tindakan susulan.

III. Peranan Penolong Kanan, Penolong Kanan Kokurikulum dan Penolong Kanan Petang

1. Bertanggungjawab kepada segala arahan daripada Pengetua/Guru Besar.
2. Sebagai ahli jawatankuasa antibuli di peringkat sekolah.
3. Melaporkan kes kepada pengetua/guru besar.
4. Memberi kefahaman tentang kesan buli kepada guru serta murid.
5. Menerima aduan kes buli dan menjalankan tindakan susulan.

iv. Peranan Guru Disiplin

1. Bertanggungjawab kepada pengetua/guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
2. Mengenal pasti murid berisiko kes buli.
3. Menerima aduan murid dan menjalankan siasatan kesahihan aduan.
4. Menjalankan siasatan rapi terhadap kes yang dilaporkan.
5. Mengambil tindakan wajar, adil untuk kedua-dua belah pihak yang terlibat seperti memberi nasihat dan bimbingan atau merujuk kepada personalia lain.
6. Merakodkan semua kes salah laku murid dalam SSDM.
7. Menjalankan pemantauan kes buli dan tindakan susulan yang berterusan.
8. Menyediakan laporan salah laku kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

v. Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling

1. Bertanggungjawab kepada pengetua/guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
2. Mengenal pasti murid yang berisiko kepada periakuan buli.
3. Menerima dan melaksanakan sesi kaunseling kepada murid.
4. Mendapatkan data/maklumat kes buli daripada guru disiplin atau guru lain.
5. Menyebarluaskan maklumat antibuli kepada warga sekolah dan ibu bapa murid.
6. Merekodkan sesi kaunseling yang melibatkan kes buli.
7. Melaksanakan sesi kaunseling berkelompok bagi mengatasi sahsiah diri pembuli secara berkumpulan.
8. Pemantauan berterusan kepada murid yang terlibat (pembuli dan mangsa).
9. Memberikan cadangan bagi merujuk murid kepada golongan profesional yang dapat membantu melalui pengetua/guru besar.
10. Menyediakan laporan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

vi. Peranan Ketua Warden

1. Bertanggungjawab kepada pengetua/guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
2. Mewujudkan suasana kekeluargaan di asrama.
3. Bertanggungjawab terhadap murid di asrama.
4. Memupuk nilai murni dalam kalangan penghuni asrama.
5. Sentiasa peka terhadap periakuan murid di asrama.
6. Sentiasa bersedia menerima aduan murid asrama dan membuat siasatan.
7. Melaporkan hasil siasatan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.
8. Pemantauan bertarusan kepada murid yang terlibat (pembuli dan mangsa).
9. Menyediakan sudut pameran berkaitan dengan gejala buli.
10. Memastikan ahli jawatankuasa asrama memberi informasi sekiranya beriaku gejala buli di asrama.

vii. Peranan Guru Kelas / Guru Tingkatan

1. Bertanggungjawab kepada pengetua/guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
2. Sentiasa peka terhadap kelakuan murid yang mencuri-gakan.
3. Memupuk nilai murni dalam kalangan murid di dalam kelasnya serta mewujudkan suasana yang ceria dan gembira.
4. Sering memberi pengetahuan berkaitan hak melaporkan kes buli dan jenis-jenis buli, supaya memudahkan pihak mangsa untuk mengenal pasti periakuan buli.
5. Memberi nasihat dan garis panduan kepada murid berkaitan gejala buli.
6. Menjalankan pemantauan berkesan serta fokus pada gejala buli.
7. Menyediakan laporan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

viii. Peranan Guru Agama dan Moral

1. Bertanggungjawab kepada pengetua/guru besar serta merancang, menyelaras dan melaksanakan program yang telah diputuskan oleh jawatankuasa pengurusan disiplin sekolah.
2. Menjadi personalia rujukan untuk bimbingan kerohanian, sahsiah dan moral.



3. Menyediakan program kerohanian untuk membina sahsiah diri yang baik
4. Menyampaikan tazkirah/nasihat berkaitan dengan salah laku buli semasa perhimpunan murid.
5. Menerima aduan dan memberi nasihat serta menerangkan implikasi dan perhuatan membuli dari sudut agama dan moral.
6. Menyediakan laporan kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid.

C. BULI : PEMANTAPAN PENGURUSAN DISIPLIN DI SEKOLAH

i. Peraturan Sekolah

Peraturan sekolah dikaji dan disediakan mengikut keperluan sekolah. Pengurusan sekolah perlu memastikan peraturan sekolah difahami oleh semua murid serta mengingatkan murid tentang peraturan sekolah. Kelemahan peraturan sekolah boleh menyebabkan beriakunya salah laku termasuk buli.

ii. Program Antibuli

Program Antibuli harus dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan sekolah untuk mengelakkan suasana tidak selamat di sekolah. Penilaian Program Antibuli di sekolah juga dilakukan bagi mengetahui keberkesanannya.

iii. Program Berfokus

Program Berfokus dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan salah laku yang berlaku di sekolah berdasarkan maklumat SSDM dan Adu Disiplin. Pemilihan program dibuat bersesuaian dengan pelbagai kes salah laku murid di sekolah. Penilaian program dilakukan bagi mengetahui keberkesanannya sesuatu Program Berfokus yang dilaksanakan.

iv. Integrasi Kaum


Program Integrasi Kaum diadakan untuk memantapkan perpaduan antara murid. Setiap program perlu dirancang, dilaksana dan dibuat penilaian bagi mengetahui keberkesanannya integrasi kaum di sekolah dan mengatasi masalah buli. Program ini bertujuan untuk meningkatkan disiplin dan kawalan salah laku murid di sekolah yang melibatkan kaum.

v. Program Sekolah Selamat

Program Sekolah Selamat harus dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan sekolah. Oleh itu kerjasama bersepadu antara murid, sekolah, pihak berkuasa dan masyarakat adalah perlu ke arah pelaksanaan program pencegahan yang berkesan serta menyeluruh. Penilaian program dilakukan bagi mengetahui keberkesanannya.

vi. Kelab Pencegahan Jenayah

Kelab Pencegahan Jenayah yang ditubuhkan di sekolah-sekolah perlu merancang, melaksana dan membuat penilaian program yang bersesuaian. Penubuhan kelab ini bertujuan untuk melatih dan memberi kesedaran dalam kalangan murid tentang pelbagai aspek jenayah dan pencegahannya.

PEMANTAPAN PENGURUSAN DISIPLIN MURID SEKOLAH**D. BULI : PEMUAFAKATAN PENCEGAHAN**

Kempen pencegahan salah laku buli di luar dan dalam sekolah memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Penglibatan agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) akan menjadikan Kempen Antibuli ini mencapai objektif yang diharapkan. Agensi-agensi kerajaan dan NGO boleh memainkan peranan seperti berikut:

- 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM)**
 - Memberi kesedaran dan kefahaman kepada murid tentang pentingnya patuh kepada undang-undang.
 - Mengerakkan Pegawai Perhubungan Sekolah agar lebih aktif untuk menyertai aktiviti-aktiviti di sekolah.
 - Menganjurkan ceramah dan pameran di sekolah.
 - Mewujudkan sistem pemantauan di kawasan luar sekolah.
- 2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**
 - Mengelolakan dan menganjurkan aktiviti-aktiviti yang boleh menimbulkan kesedaran murid akan gejala buli.
 - Melibatkan diri secara aktif dalam semua aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah.
 - Melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan amalan hidup sihat.
- 3. Jabatan Agama Islam**
 - Menyebarluaskan pengetahuan dari aspek keagamaan mengenai salah laku buli.
 - Memberi bimbingan kesempurnaan kerohanian kepada murid.
- 4. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**
 - Melaksanakan program kemahiran keibubapaan
 - Memberi kesedaran dan kefahaman kepada ibu bapa tentang kepentingan kesih sayang dalam keluarga dan hidup harmoni dalam masyarakat.
 - Memberi khidmat nasihat kepada ibu bapa.
- 5. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**
 - Menerima kes rujukan atau aduan daripada pihak sekolah.



- Membantu mangsa buli dengan menyediakan khidmat perlindungan dan kaunseling atau psikoterapi.
6. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK)/Rukun Tetangga (RT)/Persatuan Penduduk
 - Melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
 - Memaklumken kes salah laku murid di luar kawasan sekolah kepada pihak sekolah.
 - Mengenal pasti dan memantau murid berisiko di sekitar kawasan mereka.
7. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)
 - Menjadi ahli jawatankuasa Program Antibuli.
 - Bekerjasama dengan pihak sekolah dalam pelaksanaan Program Antibuli.
 - Menjadikan isu disiplin sebagai agenda wajib setiap kali mesyuarat PIBG.
 - Menyokong semua polisi, peraturan dan panduan disiplin murid yang disediakan oleh pihak sekolah.
8. Lain-lain agensi dan NGO berkaitan boleh juga dilibatkan oleh pihak sekolah dalam menangani gejala buli.

BAB 3

BULI : AKTIVITI MENANGANI

A. PANDUAN MENJALANKAN AKTIVITI MENANGANI BULI

Beberapa panduan yang menjadi prinsip utama dalam merancang aktiviti menangani buli adalah seperti berikut:

- Selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Perancangan hendaklah melihat kepada keperluan golongan murid yang terlibat.
- Dirancang oleh pihak sekolah untuk membantu murid bagi memperkembang potensi yang ada pada dirinya ke peringkat yang maksimum dalam bidang akademik dan sahsiah.
- Setiap warga sekolah hendaklah bersama-sama melakukan tugas bimbingan ini.
- Aktiviti yang dirancang hendaklah berterusan untuk membantu murid dalam bidang kognitif dan efektif.

Terdapat tiga orientasi utama dalam menjalankan aktiviti menangani buli di sekolah iaitu:

1. Orientasi pemulihan
2. Orientasi pencegahan
3. Orientasi perkembangan

Dalam pemilihan orientasi program menangani buli ini, pihak pentadbir sekolah dan jawatankuasa program haruslah meneliti beberapa implikasi yang mempunyai hubung kait agar orientasi program yang dipilih berkesan kepada murid. Keberkesaan orientasi program dapat mengelakkan tingkah laku negatif murid sehingga menghasilkan tingkah laku ganas dalam diri murid seperti buli, pergaduhan, balas dendam dan sebagainya.

1. Orientasi Pemulihan

Dalam memilih aktiviti berorientasikan pemulihan atau memulih. Maka, perlu membuat andaian bahawa "tidak semua murid berhak untuk diberi bimbingan". Oleh itu, murid yang berhak melalui proses bimbingan itu adalah mereka yang amat memerlukan bimbingan iaitu murid yang telah dikanal pasti mempunyai masalah dan perlunya bimbingan sebelum sesuatu keadaan menjadi lebih serius. Walaupun program atau aktiviti pemulihan dianggap sebagai suatu tindakan yang lewat, masalah murid perlu dirawat agar tidak merebak daripada seorang murid kepada murid yang lain.

2. Orientasi Pencegahan

Untuk merancang aktiviti pencegahan sebagai fungsi program pencegahan buli ini, kita telah mengandaikan yang "semua murid berhak mendapatkan bimbingan" dalam alam persekolahan mereka. Oleh itu pencegahan adalah lebih baik dilaksanakan pada peringkat awal agar lebih berkesan. Hal ini kerana tugas pencegahan adalah lebih ringan daripada membuat proses pemulihan. Orientasi pencegahan ini dipandang sebagai tindakan yang proaktif dan bijak kerana boleh melibatkan semua warga sekolah. Aktiviti pencegahan mudah difahami dan dapat diterima ramai tanpa apa-apa stigma seperti yang tardapat dalam orientasi pemulihan.

3. Orientasi Perkembangan

Orientasi perkembangan mengandaikan, "setiap murid yang normal itu adalah berhak diberi bimbingan bagi perkembangan dirinya". Aktiviti berbentuk perkembangan ini merupakan penyambungan yang menghubungkan antara sifat-sifat kelainan antara perbezaan individu dengan tuntutan masyarakat dan budaya. Aktiviti ini tidak berorientasikan krisis, tetapi lebih mengutamakan perkembangan potensi yang ada pada murid.

Falsafah kepada bimbingan yang berbentuk perkembangan ini ialah setiap individu itu mempunyai nilai dan berhak kepada perkembangan yang optimum. Sebagai contoh, murid dipupuk untuk mengembangkan sifat kasih sayang dan tolong-menolong yang sedia ada dalam fitrah kejadian diri mereka. Mereka dilatih dengan kemahiran komunikasi untuk pergaulan seharian dalam masyarakat. Perubahan kepada orientasi ini amat perlu bagi program menangani buli kerana buat masa ini kita memerlukan satu sistem yang aktif dan proaktif, bukannya hanya berfungsi sebagai "Fire Fighters" yang bersifat reaktif sahaja.


Program pencegahan buli yang berorientasikan perkembangan ini adalah satu perkhidmatan yang melibatkan kerjasama seluruh masyarakat sekolah. Orientasi ini menolong murid memahami diri orang lain, memahami peluang-peluang yang terbuka untuknya dan bertenggungjawab. Hasilnya murid akan berasa dirinya berguna serta pengalaman sebagai murid adalah berfaedah untuk menolongnya dalam mengendalikan hidup.

Kesimpulannya, semua yang dinyatakan di atas merupakan prinsip-prinsip utama dan penting yang harus diambil kira semasa merancang program menangani buli di sekolah. Langkah-langkah yang aktif haruslah diambil untuk mencapai matlamat pendidikan negara.




Rajah berikut dapat menerangkan lagi konsep orientasi dan contoh-contoh perkhidmatan bimbingan ini.


B. CONTOH PROGRAM/AKTIVITI MENANGANI BULI DI SEKOLAH RENDAH



C. CONTOH PROGRAM/AKTIVITI MENANGANI BULI DI SEKOLAH MENENGAH



D. PERINGKAT-PERINGKAT PERANCANGAN DAN PENILAIAN MENANGANI BULI



E. CONTOH PELAN TINDAKAN PENCEGAHAN BULI DI SEKOLAH

	Kategori Buli	Pencegahan	Pemulihian	Tindakan
1.	Fizikal <ul style="list-style-type: none"> • Pukul • Tumbuk • Tendang • Tolak/tarik • Tampar • Cubit • Pulas telinga • Tindih • Menghimpit • Peteh/bentes/tendang pada kaki • Sekeh/luku/ketuk • Cekik • Raba • Dan lain-lain 	1. Keluarga <ul style="list-style-type: none"> 1.1 Asuhan 1.2 Didikan agama 1.3 Doa 1.4 Budaya penyayang berkualiti 1.5 Peruntukan masa berkualiti 1.6 Komunikasi 1.7 Pelakuan positif/ role model 2. Sekolah <ul style="list-style-type: none"> 2.1 Peraturan sekolah 2.2 Penyebaran maklumat 2.3 Petty aduan 2.4 Remantauan berkala 2.5 Kempen 2.6 Penglibatan pihak luar seperti PDRM, PIBG dan sebagainya 3. Murid <ul style="list-style-type: none"> 3.1 Kesedaran bahawa diri terlibat dengan kes buli 3.2 Melapor kes buli 3.3 Mengisi borang aduan 	Mangsa Buli <ul style="list-style-type: none"> 1. Sesi kaunseling individu/ kelompok 2. Kemahiran asertif/ teges diri 3. Seni mempertahankan diri 4. Keyakinan diri 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa • Guru kaunseling • Guru disiplin • Guru agama • Guru moral • Guru kokurikulum • Guru-guru • Agensi luar (PDRM, kebajikan masyarakat, dan lain-lain)

Bil	Kategori Buli	Tempat	Pencegahan	Pemulihian	Tindakan
					Pembuli
2.	Lisan <ul style="list-style-type: none"> Ejeikan Panggilan/ gelaran yang mengaitkan Fitnah Mencarut /memaki/ menghina /mengherdik /mempersenda Dan lain-lain perbuatan lisan yang seumpamanya 	<ul style="list-style-type: none"> Kelas Perpustakaan Kawasan sekolah Astrama 		Mangsa Buli <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran assertif / tegas diri. 2. Komunikasi berkesan. 3. Keyakinan diri. <p>perhatian terhadap tingkah laku pembuli.</p> <p>3. Sentiasa memberi kata-kata pengukuhan.</p> <p>4. Kemahiran komunikasi berkesan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa Guru kaunseling Guru disiplin Guru perpustakaan Guru mata pelajaran Warden asrama
3.	Isyarat (bukan lisan) <ul style="list-style-type: none"> Jelir lidah Bahasa badan Jegil mata Isyarat lucuh Mengenyit mata Dan lain-lain perbuatan bukan lisan yang seumpamanya 	<ul style="list-style-type: none"> Kelas Kantin Kawasan sekolah Astrama 		Pembuli <ol style="list-style-type: none"> 1. Sesi kaunseling individu/kelompok 2. Memberi perhatian terhadap tingkah laku pembuli. 3. Berikan tanggungjawab dan ganjaran positif. 4. Penggunaan kata-kata hikmah. 	<ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa Guru kaunseling Guru disiplin Guru perpustakaan Guru mata pelajaran Warden asrama Guru-guru



Bil	Kategori Buli	Tempat	Pencegahan	Pemulihian	Tindakan
					Pembuli
4.	Peras ugut <ul style="list-style-type: none"> Minta duit secara paksa. Memaksa mangsa membuat kerja/kerja rumah. Minta barang secara paksa. Minta menjelaskan bayaran (makanan, minuman, alat tulis dan lain-lain) Sembunyikan barang mangsa. Mengugut supaya merahsiakan perbuatan salah laku dan seumpamanya. Memaksa melakukan salah laku. Menjadi orang suruhan. Dan lain-lain perbuatan yang seumpamanya. 	<ul style="list-style-type: none"> Tandas Padang Lorong ilmu Kelas Bilik-bilik khas Kantin Astrama 		Mangsa Buli <ol style="list-style-type: none"> 1. Sesi kaunseling individu/ kelompok 2. Hakikat insan – “dari mana, untuk apa, ke mana” 3. Memberi perhatian terhadap tingkah laku pembuli. 4. Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum 5. Peranan ibu bapa atau penjaga 	<ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa Guru kaunseling Guru disiplin Guru agama Guru moral Guru kokurikulum Guru-guru Guru mata pelajaran Warden asrama



Bil	Kategori Buli	Tempat	Pencegahan	Pemulihian	Tindakan
5.	Memulaui <ul style="list-style-type: none"> • Mangsa buli sengaja tidak dimasukkan ke dalam kumpulan. • Mangsa buli tidak diberikan kemudahan yang sepatusnya. • Mangsa buli tidak diberikan kerjasama. • Pembuli tidak suka murid yang ikut peraturan. • Kelas • Kantin • Kawasan sekolah • Asrama 		Pembuli <ol style="list-style-type: none"> 1. Kaunseling hubungan sosial sesama rakan. 2. Pendekatan keagamaan. 3. Penerapan nilai murni. 	Mangsa Buli <ol style="list-style-type: none"> 1. Sesi kaunseling individu / kelompok. 2. Latihan ketegasan berkesan. 3. Keyakinan diri. 	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa • Guru kaunseling • Guru disiplin • Guru agama • Guru moral • Guru kokurikulum • Guru-guru • Guru mata pelajaran • Warden asrama

BAB 4

BULI : CARTA ALIRAN KES DAN INSTRUMEN PENILAIAN PROGRAM ANTIBULI

**A. CARTA ALIRAN MENGENAL PASTI KES BULI****B. CARTA ALIRAN MENGENDALIKAN KES BULI**



C. INSTRUMEN PENILAIAN

PENILAIAN 1 : PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM ANTIBULI DI SEKOLAH

Instrumen ini dijawab oleh murid.

ARAHAN: SILA TANDAKAN (X) PADA RUANGAN YANG BERKENAAN

Apabila seorang murid di dalam kelas saya ...

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Memanggil saya dengan nama yang saya tidak suka		
2.	Memaksa saya memberi wang		
3.	Mereka-reka cerita tentang saya		
4.	Menceritakan kisah memalukan saya		
5.	Cuba mencederakan saya		
6.	Memaksa saya membuat kerja sekolahnya		
7.	Memaksa saya membuat perkara yang saya tidak suka		
8.	Mengambil barang saya		
9.	Membuat saya berasa diri tidak berharga		
10.	Mentertawakan saya dan menyakitkan hati saya		
11.	Berkata yang buruk atau kasar tentang warna kulit saya		
12.	Mempersenda budaya dan kepercayaan agama saya		
13.	Memaksa saya memasuki kumpulan mereka		
14.	Cuba mencari masalah dengan saya		
15.	Tidak membenarkan saya bermain bersama-sama mereka		
16.	Mengugut akan memukul saya		
17.	Cuba menendang saya		
18.	Menakut-nakutkan saya		
19.	Bercakap kasar dan kurang sopan tentang keluarga dan saya		
20.	Kurang sopan dengan saya kerana saya berbeza dari kawan-kawan yang lain		
21.	Menjerit-jerit kepada saya		
22.	Menyuruh saya mencederakan orang lain		

PENILAIAN 2 : PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM ANTIBULI DI SEKOLAH

Instrumen ini dijawab oleh murid.

ARAHAN: SILA TANDAKAN (X) PADA RUANGAN YANG BERKENAAN

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Saya memahami maksud buli		
2.	Aktiviti antibuli telah dijalankan di sekolah saya		
3.	Saya memahami penerangan guru tentang aktiviti ini		
4.	Saya terlibat dengan aktiviti ini di sekolah saya		
5.	Saya bersetuju dengan aktiviti ini		
6.	Saya bersetuju aktiviti ini dapat membantu rakan-rakan		
7.	Aktiviti ini dapat mewujudkan suasana harmoni di sekolah saya		
8.	Saya berasa selesa di sekolah saya		
9.	Aktiviti ini perlu diteruskan		
10.	Kejadian buli masih berlaku di sekolah saya		

11. Apakah program/aktiviti yang paling anda suka?

12. Cadangan saya:



PENILAIAN 3 : PENILAIAN KEBERKESANAN PROGRAM ANTIBULI DI SEKOLAH

Instrumen ini dijawab oleh pihak pentadbir dan guru-guru.

ARAHAN: SILA TANDAKAN (X) PADA RUANGAN YANG BERKENAAN

- 5 – Sangat Setuju
- 4 – Setuju
- 3 – Tidak Pasti
- 2 – Tidak Setuju
- 1 – Sangat Tidak Setuju

Program pelaksanaan antibuli di sekolah telah:

BIL	ITEM	1	2	3	4	5
1.	Mengurangkan kadar salah laku buli di sekolah					
2.	Mendapat kerjasama yang baik daripada warga sekolah					
3.	Dilaksanakan oleh guru dengan penuh komitmen dan menyedari kepentinganya					
4.	Diterima dengan baik oleh murid-murid					
5.	Mendapat kerjasama dan sokongan daripada pihak luar					
6.	Berjaya mewujudkan suasana yang harmoni di sekolah					
7.	Merapatkan hubungan antara guru dengan murid					
8.	Mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif dalam kelas					
9.	Dilaksanakan dengan jaya dan perlu diteruskan					
10.	Perbelanjaan program adalah berbaloi					
11.	Dapat mengurangkan tekanan kerja guru					
12.	Dapat diteruskan mengikut jadual					

D. SENARAI SEMAK PENGURUSAN MENANGANI BULI

ARAHAN: SILA TANDAKAN (X) PADA RUANGAN YANG BERKENAAN

BIL	ITEM	YA	TIDAK
1.	Jawatankuasa Pengurusan Disiplin Sekolah		
2.	Surat Pelantikan Jawatankuasa		
3.	Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana		
4.	Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kecil		
5.	Data dan Rekod Salah Laku Disiplin Murid (SSDM)		
6.	Data dan Rekod Adu Disiplin		
7.	Sistem Fail/Rekod		
	7.1 – Catatan/Laporan Harian		
	7.2 – Buku Rekod Salah Laku Murid		
	7.3 – Rekod Individu (Salah Laku)		
	7.4 – Borang Aduan		
	7.5 – Surat Pemberitahuan kepada Ibu/Bapa/Penjaga		
	7.6 – Surat Perjanjian Ibu/Bapa/Penjaga/Murid		
8.	Pelan Tindakan Menangani Masalah Buli		
9.	Buku Panduan/Pekeliling Ikhtisas		
	9.1 – Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar/ Pengetua dan Guru		
	9.2 – Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah		
	9.3 – Pekeliling Ikhtisas		
10.	Tindakan Bersama dengan Unit Bimbingan dan Kaunseling		
	10.1 – Penilaian 1 (Pengesahan)		
	10.2 – Penilaian 2 (Keberkesan Program oleh Murid)		
	10.3 – Penilaian 3 (Keberkesan Program oleh Pentadbir dan Guru)		
	10.4 – Senarai Semak		



JAWATANKUASA PENULIS





JAWATANKUASA PENULIS (PERMURNIAN)
BUKU PANDUAN PENGURUSAN MENANGANI BULI DI SEKOLAH

PENAUNG :	DATO' SRI DR KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
PENASIHAT :	DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA (SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Pengerusi :	ABDULLAH BIN MAD YUNUS PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
NAIB Pengerusi :	HAJI MOHAMED YAMIN BIN MOHAMED YUSOF TIMBALAN PENGARAH (MURID) BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SETIAUSAHA :	AB RAHIM BIN OTHMAN KETUA PENOLONG PENGARAH SEKTOR PENGURUSAN KAUNSELING DAN DISIPLIN BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
NAIB Pengerusi I :	SITI HASMAH BINTI AHMAD DAHLAN KETUA UNIT (DISIPLIN) SEKTOR PENGURUSAN KAUNSELING DAN DISIPLIN BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
NAIB Pengerusi II:	ABDUL RAHIM BIN MOHIDIN, PENOLONG PENGARAH SEKTOR PENGURUSAN KAUNSELING DAN DISIPLIN BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

AHLI JAWATANKUASA:

1. SAIFUL EFFENDI BIN MOHD ZAHARI
KETUA UNIT KAUNSELING
SEKTOR PENGURUSAN KAUNSELING DAN DISIPLIN
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
2. NURHAYATI BINTI HJ MD NOH
PENOLONG PENGARAH
SEKTOR PENGURUSAN KAUNSELING DAN DISIPLIN
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
3. MOHD PILUS BIN ABDULLAH
PENOLONG PENGARAH
SEKTOR PENGURUSAN KAUNSELING DAN DISIPLIN
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
4. NORLIZA BINTI MOHD NOAH
KETUA PENOLONG PENGARAH
HAL EHWAL MURID
JPN SELANGOR
5. DARUL IRWAN BIN DATO' HAJI DANGIRAN
PENOLONG PENGARAH KANAN
HAL EHWAL MURID
JPN SELANGOR
6. ANUAR BIN ARIFFIN
PENYELIA DISIPLIN
HAL EHWAL MURID
JPN SELANGOR
7. RODHIAH BINTI HAJI SAAD
SMK DATO' AHMAD RAZALI
JALAN 13A, AMPANG JAYA,
AMPANG, SELANGOR.
8. NORMILAH SHAM BINTI MISKAM
SMK PENGKALAN PERMATANG,
KUALA SELANGOR,
SELANGOR.
9. SITI SALMAH BINTI SULAIMAN
SMK CHERAS PERDANA,
CHERAS, SELANGOR
10. MAIMUNAH BINTI MOHD JAMIL
SMK DATO' AHMAD RAZALI
JALAN 13A, AMPANG JAYA,
AMPANG, SELANGOR.



*Kementerian Pendidikan Malaysia
dengan sukacitanya merakam
setinggi-tinggi penghargaan
dan
ucapan terima kasih
kepada semua pihak
yang telah memberi sumbangan
terhadap penyediaan buku ini*

LAMPIRAN





PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: www.moe.gov.my.

KP (BS-SPPK) 601/1 (16)
11 Mac 2009

Semua Pengarah
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

KETEGASAN MENANGANI TINGKAH LAKU ALA SAMSUNG DALAM KALANGAN MURID

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan, berkaitan perkara di atas.

2. Penglibatan murid sekolah dalam kegiatan ala samseng adalah merupakan perbuatan yang perlu dilihat secara serius oleh semua pihak khususnya pengurusan sekolah. Gejala tersebut boleh memberikan impak yang negatif terhadap pengurusan sekolah sekiranya tidak ditangani secara segera dan berkesan di peringkat awal. Sekolah sepatutnya mempunyai persekitaran yang selamat agar setiap murid dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran mereka. Fokus mudah tidak boleh diganggu sekiranya kita mewujudkan masyarakat terpelajar yang dapat bersaing di pentas dunia

3. Pendedahan yang dibuat oleh pihak media sejak akhir-akhir ini dalam kegiatan negatif telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat umum terutamanya ibu bapa. Murid-murid yang menyertai kegiatan ala samseng didapati telah mengganggu ketenteraman sekolah dan murid-murid lain melalui perbuatan mengancam, mengugut, memukul dan lain-lain perbuatan seumpamanya.

4. Justeru ini, saya ingin mengingatkan kepada pihak pentadbiran pendidikan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Pentadbiran Sekolah supaya memainkan peranan masing-masing dalam membendung kegiatan tersebut. Pegawai Pelajaran Daerah perlu segera mengaktifkan Majlis Permuafakatan Pendidikan Daerah (MPPD) bagi membincang serta mengambil tindakan terhadap kegiatan ini yang melibatkan murid sekolah di peringkat daerah masing-masing. Semua murid perlu diperingatkan bahawa sebarang tingkah laku yang melanggar undang-undang atau peraturan-peraturan sama ada di dalam atau di luar kawasan sekolah akan dikenakan tindakan yang tegas oleh pihak berwajib termasuk oleh pihak sekolah.

5. Suka saya mengingatkan bahawa tugas mendisiplinkan murid-murid di sekolah merupakan antara tugas utama guru. Semua guru perlu memainkan peranan mereka dalam hal ini dan tidak hanya menyerahkan tugas tersebut kepada sesetengah kumpulan guru sahaja. Pihak pengurusan sekolah juga perlu sentiasa mengingatkan semua guru bahawa mereka adalah bertanggungjawab sepenuhnya sekiranya gejala seumpama ini tidak dapat diatasi di peringkat sekolah. Kementerian Pelajaran tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap pihak pengurusan sekolah sekiranya didapati mereka cuai atau lahai dalam usaha ini.

6. Sebagai langkah pencegahan terhadap gejala ini, maka semua pengurusan sekolah perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif serta berkesan agar kejadian seumpamanya tidak lagi berulang. Antara langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak pengurusan sekolah adalah;

- 6.1 Mewujudkan peti aduan disiplin murid di sekolah dan asrama (sekiranya sekolah tersebut ada asrama). Semua murid perlu dimaklumkan serta diberi keyakinan tentang fungsi peti aduan disiplin ini.
- 6.2 Peranan Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama perlu diperluaskan agar kerja-kerja menyiasat dapat dilakukan dengan teliti serta mengambil tindakan **SEGERA** terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid. Dengan cara ini, fungsi Jawatankuasa Disiplin Sekolah akan kelihatan *visible* dan dapat dirasakan kewujudannya oleh seluruh warga sekolah
- 6.3 Pihak Berkuasa Disiplin di sebuah sekolah perlu menyiasat, mengkaji dan meneliti sekiranya wujud perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti tradisi yang telah diwujudkan oleh murid atau kumpulan-kumpulan murid yang mana perkara atau aktiviti tersebut adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha kita memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah, maka perkara atau aktiviti tersebut hendaklah diberhentikan dengan serta merta
- 6.4 Pihak Berkuasa Disiplin di sekolah termasuk guru-guru Disiplin, Guru Bimbingan dan Kaunselling, Guru Warden di asrama serta guru-guru lain perlu mencari satu kaedah yang berkesan bagi menghidiu kewujudan individu atau kumpulan murid yang terlibat dalam salah laku ala samseng, membuli atau salah laku lain seumpamanya dan tindakan awal perlu diambil sebelum gejala tersebut membiak dan merebak.
- 6.5 Sekiranya sekolah atau asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suaikenal terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya. Apa-apa bentuk perlakuan yang bersifat membuli atau seumpamanya yang boleh mendatangkan kecederaan, penderitaan mental dan emosi kepada murid adalah **DILARANG SAMA SEKALI**.



- 6.6 Bagi sekolah berasrama, kewujudan guru warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa. Peraturan asrama serta aktiviti harianya perlu jelas kepada semua penghuninya. Pemeriksaan ke bilik-bilik penginapan murid serta bilik-bilik lain hendaklah dilakukan secara kerap dan berjadual. Pemeriksaan mengejut hendaklah dilakukan sekiranya dirasakan ada keperluan oleh pihak sekolah atau asrama.
- 6.7 Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain perlu dibuat secara berterusan dan melibatkan pihak luar khususnya PDRM dan PIBG atau pihak-pihak lain yang dirasakan berkaitan.
- 6.8 Pihak sekolah juga adalah digalakkan sentiasa berbincang dan bertindak bersama pihak-pihak luar seperti PDRM, PIBG, jabatan atau agensi kerajaan. Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-Badan Bukan Kerajaan, kepimpinan masyarakat setempat seperti Penghulu, Ketua Kampung, JKKK dan lain-lain yang berkaitan dalam usaha mengatasi gejala disiplin murid di sekolah atau di luar sekolah.

7. Y Bhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan diminta supaya memaklumkan kandungan dan menganjurkan surat ini kepada semua Pegawai Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran masing-masing dan diharap segala usaha dan langkah yang diambil ini dapat membendung gejala disiplin murid masa kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

DATO' HJ. ALIMUDDIN BIN HJ. MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k. 1. Y.B. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Ir. Dr. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran
3. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
4. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
5. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pelajaran
8. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
9. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jld.3 (14)
29 Julai 2010

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri

Y.Bhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 8 TAHUN 2010
GARIS PANDUAN MENCEGAH DAN MENANGANI PERBUTAN BULI
DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH**

Perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah merupakan perbuatan yang perlu ditangani secara serius oleh pihak pengurusan sekolah. Buli bererti orang yang menggunakan kekuatan atau kekuasaannya untuk menakutkan atau menyakitkan orang yang lebih lemah. Perbuatan membuli boleh benaku sama ada secara fizikal atau pun menggunakan bahasa yang boleh memberi kesan menakutkan atau menyakitkan orang yang lebih lemah. Dalam hal ini, seseorang murid yang kena buli akan mengalami kesan emosi yang mendalam seperti menjadi murung, sentiasa rialam keadaan ketakutan, hilang keyakinan diri serta boleh mengakibatkan kecederaan fizikal yang teruk malah boleh menyebabkan kahilangan nyawa.

2. Semua Pengarah Pelajaran Negeri, Pegawai Pelajaran Daerah serta semua Pengetua dan Guru Besar dilingatkan supaya mengambil tindakan yang tegas serta tidak boleh berkompromi terhadap perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah. Larangan terhadap perbuatan buli di sekolah hendaklah dikuatkuasakan sepenuhnya kerana perbuatan tersebut boleh memberikan impak yang negatif terhadap pengurusan sebuah sekolah sekiranya tidak ditangani secara berkesan.

3. Sebagai langkah pencegahan terhadap perbuatan buli, semua pengurusan sekolah perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif serta berkesan agar kejadian seumpamanya tidak berlaku. Di antara langkah yang perlu dilaksanakan segera oleh pihak pengurusan sekolah adalah seperti berikut.

3.1 Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama (sekiranya sekolah tersebut ada asrama). Semua murid perlu dimaklumkan serta



diberi penjelasan tentang fungsi dan peranan seluruh aduan tersebut;

- 3.2 Jawatankuasa Disiplin Sekolah dan Asrama perlu diaktifkan sepenuhnya agar dapat menyalasai, meneliti serta mengambil tindakan SEGERA terhadap setiap aduan yang dibuat oleh murid atau pihak berkepentingan lain. Dengan cara ini, fungsi Jawatankuasa Disiplin Sekolah akan kelihatan 'visible' dan dapat dirasakan kewujudannya oleh seluruh warga sekolah;
- 3.3 Pihak Berkuaasa Disiplin di sebuah sekolah perlu menyiasat, mengkaji dan meneliti sekiranya wujud perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti tradisi yang telah diwujudkan oleh murid atau kumpulan-kumpulan murid yang mana perkara atau aktiviti tersebut adalah berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha kita memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah, maka perkara atau aktiviti tersebut hendaklah diberhentikan dengan serta merta;
- 3.4 Pihak Berkuaasa Disiplin di sekolah termasuk guru-guru Disiplin, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Guru Warden di asrama serta guru-guru lain perlu mencari satu kaedah yang berkesan bagi mengesan kewujudan gejala buli atau salah laku yang lain dan tindakan awal perlu diambil sebelum gejala tersebut berlaku;
- 3.5 Sekiranya sekolah atau asrama ada melaksanakan aktiviti orientasi atau suaiakan terhadap murid baru, maka aktiviti tersebut hendaklah berada di bawah kawalan guru sepenuhnya. Apa-apa bentuk perlakuan yang bersifat membuli atau sumpamanya yang boleh mendatangkan kecederaan, penderitaan mental dan emosi kepada murid adalah **DILARANG SAMA SEKALI**;
- 3.6 Bagi sekolah-sekolah berasrama, kewujudan guru warden hendaklah dapat dirasai oleh penghuninya sepanjang masa. Peraturan asrama serta aktiviti harianya perlu jelas kepada semua penghuninya. Pemeriksaan ke bilik-bilik penginapan murid serta bilik-bilik lain perlu dilakukan secara kerap dan berjadual. Pemeriksaan mengejut hendaklah dilakukan sekiranya dirasakan ada keperluan oleh pihak sekolah atau asrama;
- 3.7 Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain perlu dibuat secara berterusan dan boleh melibatkan pihak luar seperti PDRM, PIBG atau pihak-pihak lain yang dianggap berkaitan;
- 3.8 Semua guru, kakitangan sekolah serta murid perlu dimaklumkan tentang penegasan pengukuhan larangan ini di peringkat sekolah masing-masing; dan

3.9 Pihak pengurusan sekolah juga hendaklah memaklumkan dan memberi kefahaman kepada ibu bapa perkara berkaitan ketegasan larangan ini menerusi mesyuarat PIBG dan mesyuarat permuafakatan peringkat sekolah.

4. Semua Pengetua dan Guru Besar boleh mengambil tindakan ke atas murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah, dan atau di asrama dengan menganekan mana-mana satu hukuman seperti berikut;

4.1 Diberi Amaran Keras (murid dan ibu bapa perlu menandatangani Surat Aku Janji tidak mengulangi lagi perbuatan tersebut);

atau

4.2 Dilarang menggunakan kemudahan di sekolah atau asrama atau mengambil bahagian dalam program atau aktiviti sekolah. Kemudahan, program atau aktiviti yang boleh dilarang sebagai hukuman termasuklah mana-mana salah satu yang berikut;

i. tidak dibenar menggunakan kemudahan di perpustakaan, di pusat sumber atau apa-apa kemudahan lain untuk suatu tempoh tertentu;

ii. tidak dibenar keluar daripada asrama pada mana-mana satu cuti hujung minggu atau cuti am;

iii. tidak dibenar mengikuti program sekolah seperti perkhemahan dan lawatan untuk suatu tempoh tertentu; dan

iv. tidak dibenar menggunakan sukan atau mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum atau pertandingan sukan untuk suatu tempoh tertentu;

atau

4.3 Dikenakan Hukuman Rotan tidak melebihi 3 kali;

atau

4.4 Gantung Persekolahan (selama tempoh tidak melebihi 14 hari);

atau

4.5 Dikenakan Hukuman Buang Sekolah (bagi kes-kes serius yang melibatkan kecederaan atau kenilangan nyawa).



5. Sila maklumkan kandungan Surat Pakelling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y Bhg Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

TAN SRI DATO' HAJI ALIMUDDIN BIN HAJI MOHD DOM
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k

- 1 YA B. Tan Sri Dato' Hajji Muhyiddin bin Mohd Yassin,
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
- 2 YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong,
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
- 3 YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
- 4 Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
- 5 Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
- 6 Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
Kementerian Pelajaran Malaysia
- 7 Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia
- 8 Ketua Jemah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pelajaran Malaysia
- 9 Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
- 10 Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia



BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel : 03-8884 9000
Faks : 03-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj Kami: KP(BPSH-SPKD)601/01Jld.11 (/6)
Tarikh: 11 November 2014

**Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Tuan,

**PEMATUHAN GARIS PANDUAN MENCEGAH DAN MENANGANI PERBUATAN BULI
DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang berat kes-kes buli yang masih berlaku di sekolah dan asrama akhir-akhir ini. Sehubungan dengan itu, semua pengurusan sekolah dan asrama hendaklah melaksana program intervensi secara proaktif, berfokus dan berkesan bagi mencegah perlakuan buli dan mengambil tindakan tegas ke atas murid yang melakukan perbuatan buli di sekolah.
3. Sehubungan dengan itu, semua Pengarah Pendidikan Negeri, Pengawal Pendidikan Daerah, serta Pengetua dan Guru Besar diingatkan supaya mengambil tindakan yang tegas serta tidak boleh berkompromi terhadap perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah dan asrama.
4. Bagi tujuan itu, pihak YBhg. Datuk/Tuan hendaklah merujuk surat pekeliling ikhtisas (SPI) dan surat siaran yang telah dikeluarkan oleh KPM sebelum ini. SPI dan surat siaran tersebut adalah;
 - 4.1 Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bil. (16) Tahun 2009: Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng Dalam Kalangan Murid.
 - 4.2 Surat Pekeling Ikhtisas Bil. (8) Tahun 2010: Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid di Sekolah.

"1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Dilutamakan"
Sila catatkan rujukan Bahagian ini apabila dihubungi





5. Selain dari itu, YBhg. Datuk/Tuan serta pengurusan sekolah hendaklah secara berterusan membudayakan sikap kasih sayang di sekolah dan asrama. Amalan Guru Penyayang yang memberi penekanan kepada **sifat kepedulian (concern)** terhadap muridnya dengan mengamalkan nilai kasih sayang, bersikap mesra, mengambil berat, berbudi bahasa, saling menghormati, sentiasa ceria, prihatin dan sabar hendaklah diterapkan kepada semua murid sama ada di sekolah atau di asrama. Bagi tujuan itu, pengurusan sekolah dikehendaki pada setiap masa merujuk kepada **Garis Panduan: Menangani Buli Melalui Pembudayaan Amalan Penyayang Dalam Kalangan Murid di Sekolah dan Asrama** seperti dalam Lampiran 1.

6. YBhg. Datuk/Tuan serta pengurusan sekolah juga dimohon memastikan setiap kejadian buli yang berlaku di sekolah hendaklah dilaporkan kepada KPM dengan mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2011: Pelaksanaan **Standard Operating Procedure (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid Tahun 2011**.

7. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan adalah dimohon untuk memaklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan.

Sekian. Terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


ABDUL LAH BIN MAD YUNUS

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

sk:

1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi)
3. Ketua Nazir
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
Kementerian Pendidikan Malaysia

4. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Pengarah
Bahagian Sukan
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
Kementerian Pendidikan Malaysia



LAMPIRAN 1



Kementerian Pendidikan Malaysia

GARIS PANDUAN

"MENANGANI BULI MELALUI PEMBUDAYAAN AMALAN PENYAYANG DALAM KALANGAN MURID DI SEKOLAH DAN ASRAMA"

LATAR BELAKANG

1. Gejala buli dalam kalangan murid sekolah merupakan salah laku disiplin yang perlu dilihat secara serius oleh semua pihak. Gejala tersebut boleh memberikan impek yang negatif kepada murid.
2. Menyedari beberapa isu buli yang masih berlaku dalam kalangan murid kebelakangan ini, maka KPM terus berusaha melaksana program pencegahan dan pemulihan bagi menangani tingkah laku gejala buli dalam kalangan murid sekolah melalui **pendekatan sekolah penyayang dan amalan guru penyayang**.

KONSEP

3. Berkonsepkan **kepedulian murid** iaitu dengan **setiap murid merasa diri mereka adalah penting dan tidak merasa tersisih**. Guru Penyayang sentiasa mengambil peduli akan muridnya dengan berpegang kepada prinsip setiap murid adalah **dilahirkan mulia dan boleh diajar**.
4. Berkonsepkan **berbudi bahasa, saling menghormati dan bertolak-ansur** iaitu dengan setiap murid merasa **sikap menghormati orang lain adalah asas perhubungan yang penting**. Murid akan sentiasa **berinteraksi dengan baik dan menjaga hubungan** dengan berpegang kepada prinsip **persahabatan membawa kesejahteraan hidup**.

OBJEKTIF

- Murid-murid dapat menterjemahkan sikap penyayang dan saling hormat menghormati sebagai budaya dalam perhubungan harian murid di sekolah dan asrama
- 5. **Guru dan murid** mengamalkan dan membudayakan **sifat penyayang**.
- 6. Murid mengamalkan **budaya saling menghormati dan bertolak-ansur dan berbudi-bahasa dalam perhubungan**.
- 7. Murid **berinteraksi dengan baik dan menghargai perhubungan**.

FOKUS

8. Amalan dan pembudayaan amalan penyayang di sekolah dan asrama melalui nilai-nilai murni dalam pergaulan bagi mengatasi gejala buli dengan berfokus kepada sifat dan sikap seperti berikut;
 - 8.1 **Ekspresi Kepenyayangan Guru** – iaitu bagaimana seseorang guru yang penyayang dapat mempamerkan sifat dan sikap penyayangnya. Guru dapat menjiwai bahawa murid mereka merupakan aset penting yang perlu diberi perhatian, dijaga, dibimbing, dan disayangi pada setiap masa.
 - 8.2 **Ekspresi Kepenyayangan Murid** – iaitu bagaimana seseorang murid dapat mempamerkan budaya penyayang, berbudi bahasa, saling menghormati, bertolak ansur dan mengamalkan nilai-nilai murni.

**Aktiviti : Ekspresi Kepenyayangan Guru dan murid**

STRATEGI	FOKUS	AKTIVITI
Kepedulian Guru dan Murid	Mengamalkan Budaya Penyayang	<ul style="list-style-type: none"> a. Mengalau-alukan kehadiran murid b. Melaksana Program Mentor-Mentee c. Menghargai murid (sambutan hari lahir)
	Mengamalkan Komunikasi Berkesan	<ul style="list-style-type: none"> a. Berkomunikasi dengan baik b. Memberi sapaan dan senyuman c. Bercakap dengan sopan d. Menegur dengan baik e. Melafazkan terima kasih
	Mengamalkan Nilai-nilai murni	<ul style="list-style-type: none"> a. Melaksana Program Pembangunan Sahsiah Diri Murid (Ketidak patuhan dibimbang) b. Menghargai perhubungan dengan saling menghormati, bertolak-ansur dan berbudi-bahasa
	Kemahiran Daya Tindak	<ul style="list-style-type: none"> a. Kemahiran asertif diri b. Kemahiran membuat keputusan c. Kemahiran berkomunikasi d. Pengurusan emosi dan stres

STRATEGI EKSPRESI KEPENYAYANGAN GURU DAN MURID

9. Dalam melaksanakan amalan penyayang dan kepedulian terhadap murid, guru-guru hendaklah pada setiap masa;
 - 9.1 Berinteraksi dengan murid dilakukan secara bersemuka (*face to face*), bersikap mesra dan berbudi bahasa.
 - 9.2 Memberi perhatian termasuk menunjukkan simpati semasa berkomunikasi dengan murid.
10. Dalam melaksanakan ekspresi amalan penyayang murid hendaklah pada setiap masa;
 - 10.1 Berinteraksi (berkomunikasi) dengan baik dan menghargai perhubungan dengan rakan.
 - 10.2 Mengamalkan budaya saling menghormati dan bertolak-ansur dan berbudi-bahasa dalam perhubungan.
11. Dalam memastikan murid memiliki kemahiran mengatasi buli, murid hendaklah memiliki kemahiran daya tindak;
 - 11.1 **Kemahiran asertif** diri semasa berdepan dengan gejala buli.
 - 11.2 **Boleh membuat keputusan** menilai baik buruk sesuatu periaukan.
 - 11.3 **Boleh berkomunikasi dengan baik** semasa berhubung dengan orang lain.
 - 11.4 **Boleh mengurus emosi dan stres.**



KAEDAH PELAKSANAAN

12. Amalan budaya penyayang dan kemahiran daya tindak hendaklah dilaksana dan diterapkan budayanya kepada semua murid di sekolah dan di asrama pada setiap masa.